

Rasuah makin menular: Tun M

Golongan berilmu tidak miliki nilai mulia

Oleh Mohd Hamizar Hamid dan Mohd Idris Sulaiman

TRONOH: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, melahirkan kebimbangan terhadap kejadian rasuah dan salah guna kuasa yang semakin menular di kalangan golongan berilmu serta berkedudukan tinggi negara ini.

Beliau berkata, amalan rasuah menjadi dewasa ini berikutan ramai golongan berilmu yang memegang jawatan tinggi menganggap kegiatan rasuah bukan sebagai jenayah.

"Masalah ini berlaku kerana golongan berilmu tidak memiliki nilai hidup yang mulia sehingga tergamak menyalahgunakan kuasa dan ilmu.

"Ilmu dengan sendirinya adalah bahaya... orang yang berilmu tetapi tidak bersikap mulia akan menyalahgunakan kuasa yang mereka miliki dan kesannya akan lebih buruk jika penyalahgunaan kuasa itu dilakukan oleh golongan yang tidak berilmu.

"Ada yang kata, apa salahnya terima sedikit... yang menjadi masalahnya ialah apabila amalan itu menjadi budaya, yang sedikit akan bertambah dan yang miskin akan bertambah miskin.

"Ini akan melarat sehingga apa saja yang dibuat memerlukan rasuah sehingga nak dapat tempat di kubur pun

kena bayar... ini berlaku di negara lain," katanya berucap pada Konvokesyen Kelima Universiti Teknologi Petronas (UTP) di sini, semalam.

Pada majlis itu 563 graduan menerima ijazah masing-masing. Dari pada jumlah itu, 542 graduan menerima ijazah sarjana muda jurusan kejuruteraan seperti Kimia, Awam, Elektrikal dan Elektronik, Mekanikal serta jurusan teknologi seperti Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Sistem Maklumat Perniagaan.

Hadir sama, Naib Canselor UTP yang juga Pengerusi Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican serta Rektor UTP yang juga Ketua Pegawai Ek-

“Ini membuktikan ilmu itu sendiri tidak membawa kebaikan kerana ia perlu disertai nilai mulia bagi mencegah sebarang tarikan nafsu”

Dr Mahathir Mohamad
Canselor UTP

sekutif UTP, Dr Zainal Abidin Kasim.

Dr Mahathir yang juga Canselor UTP tidak menafikan ada usaha untuk menyemai nilai murni itu, bagaimanapun ia perlu dipertingkatkan supaya lebih berkesan dan kajian mengenai dibuat.

Beliau berkata, ada negara di mana rasuah sudah menjadi budaya dan apabila berlaku, negara itu tidak akan maju walaupun rakyatnya berilmu.

"Bila keadaan itu berlaku, semua perbelanjaan akan menjadi tinggi kerana sepanjang jalan kena hulu rasuah. Rakyat miskin akan menderita... rakyat akan terus miskin dan menjadi beban," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menasihatkan graduan sebagai bakal pemimpin supaya tidak gopoh dan mengawal nafsu mereka supaya tidak menjadi teladan buruk kepada masyarakat yang dipimpin kelak.

Sementara itu, Anugerah Canselor UTP 2005 dimenangi Noradnin Hafeeza Nawawi bagi kategori Emas, N Hari Krishnan (Perak) dan Ee Chang Lih (Gangsa) dan ketiga-tiga mereka dari program Kejuruteraan Kimia.

Selain itu, pelajar terbaik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Kedah 1999, Nadiah Abu Hassan, mendapat ijazah kepujian kelas pertama dan kini berkhidmat sebagai Jurutera Operasi di Petronas Carigali Miri, Sarawak.



BERSEJARAH: Noradnin Hafeeza menerima Anugerah Canselor Universiti Teknologi Petronas 2005 bagi kategori Emas daripada Dr Mahathir, pada majlis Konvokesyen Kelima UTP di Tronoh, semalam.

IKHWAN MUNIR | BERITA HARIAN